

# **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**

## **BIL.11/1998**

### **PEMUTIHAN TUNGGAKAN PERMOHONAN MILIK TANAH**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah tentang kedudukan tunggakan permohonan milik tanah di Negeri Kelantan dan meminta semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan untuk mengambil tindakan bagi mengurangkan kedudukan tunggakan ini.

#### **2. KEDUDUKAN SEKARANG.**

- 2.1 Negeri Kelantan mempunyai tunggakan permohonan milik tanah yang paling tinggi berbanding dengan Negeri-Negeri lain di Semenanjung Malaysia sebagaimana berikut :-

<u>Negeri</u>	<u>Tunggakan Permohonan Milik Tanah Sehingga Jun 1998</u>
Kelantan	62,589
Wilayah Persekutuan	249
Perak	22,686
Pulau Pinang	320
Perlis	10,704
Terengganu	3,842
Pahang	51,461
Melaka	2,550
Negeri Sembilan	7,286

2.2 Manakala kedudukan tunggakan mengikut jajahan di Negeri Kelantan ialah:-

<u>Jajahan</u>	<u>Tunggakan Sehingga Jun 1998</u>
Kota Bharu	536
Kuala Krai	6,646
Pasir Mas	4,395
Tanah Merah	5,399
Pasir Puteh	7,364
Machang	2,753
Bachok	4,318
Tumpat	387
Gua Musang	19,337
Jeli	11,166
<b>Jumlah</b>	<b><u>62,538</u></b>

2.3 Sebab -sebab yang dikenal pasti mengapa tunggakan ini tinggi ialah:-

- a) Kadar penyelesaian yang tidak sama dengan kadar penerima permohonan milik tanah yang tinggi.
- b) Kadar penerimaan permohonan tinggi kerana permohonan sentiasa dibuka. Arahan bagi menutup permohonan sebagaimana Arahan PTG.Bil. 5/88 setelah permohonan mencapai angka 1,000 bagi tiap-tiap jajahan tidak dipatuhi semenjak dahulu lagi.
- c) Borang permohonan senang diperolehi dan sebelum daripada ini bayaran deposit untuk membuat satu-satu permohonan tidaklah tinggi.
- d) Terdapat banyak permohonan-permohonan yang tidak ‘tulin’.

### **3. TINDAKAN PEMUTIHAN**

Adalah dipercayai daripada bilangan permohonan yang begitu banyak, sebahagian besar adalah tidak ‘tulin’ yang boleh diambil tindakan pemutihan. Pada asasnya tindakan pemutihan ini terbahagi kepada 2 aspek, iaitu :-

- a) Tindakan membatalkan permohonan.
- b) Tindakan menolak permohonan.

#### **3.1. Tindakan Membatalkan Permohonan**

Permohonan-permohonan boleh dibatalkan pada peringkat awal lagi sebelum apa-apa tindakan lain diambil, di atas sebab-sebab berikut :-

- a) Borang permohonan tidak ditandatangani/cap ibu jari oleh pemohon.
- b) Tidak menunjukkan dengan jelas lokasi tanah yang dipohon.
- c) Tidak mengisi Borang Jadual I dengan betul/maklumat tidak lengkap.

### 3.2 Tindakan Menolak Permohonan.

Permohonan-permohonan yang lengkap perlu diproses sebagaimana sepatutnya dan dipertimbangkan samada untuk ditolak atau dilulus oleh Pihak-pihak yang berkenaan mengikut bidangkuasa penurunan kuasa masing-masing. Bagi permohonan-permohonan yang lengkap diatas penolakan awal juga boleh dibuat bagi kes-kes berikut:-

- a) Tanah didapati berada dalam Hutan Simpan, Simpan Padang Ragut atau mana-mana tanah rizab lain.
- b) Tanah bertindih dengan tanah milik atau permohonan-permohonan lebih awal.
- c) Tanah yang terletak dalam kawasan yang diperlukan untuk kegunaan Kerajaan.
- d) Pemohon-pemohon tidak dapat dikesan dan selepas notis 3 bulan pemohon masih lagi tidak memberi apa-apa respond.

Permohonan -permohonan seperti ini hendaklah dikumpul dan disediakan pengesyoran dalam satu kertas kerja untuk ditolak oleh pihak yang diberi kuasa di bawah penurunan kuasa yang berkenaan. Pengesyoran dan perakuan Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan diperlukan terlebih dahulu bagi menolak permohonan -permohonan ini. Penolakan secara "blanket" ini akan meringkaskan masa untuk penyediaan kertas kerja untuk JKHET dan pihak yang berkuasa untuk menolak atau pun melulus permohonan.

4. Adalah diharapkan dengan tindakan-tindakan pemutihan di atas bilangan permohonan yang tidak tulin akan dapat dibatalkan atau ditolak dengan lebih cepat dan proses untuk mengurangkan tunggakan permohonan milik tanah akan berhasil.
5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh Arahan ini dikeluarkan.

t.t

**(Md. Yusuf bin Noh)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri,  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. Y.Abrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH  
KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**FAIL :PTG.KN. 3269 JLD.2/( )**

**BERTARIKH : 30 JAMADIL AHIR 1419  
21 OKTOBER 1998**